

# PENGANTARABANGSAAN PKS

## Pengenalan

Susulan daripada *APEC Ministers Responsible for Trade (MRT) Meeting* dari 17 hingga 18 Mei 2016 di Arequipa, Peru, YB Menteri MITI telah mengarahkan supaya satu jawatankuasa atau kumpulan kerja peringkat MITI dan agensi diwujudkan bagi menyelaraskan usaha untuk membawa syarikat PKS ke peringkat global.

Pendekatan ini turut dipanjangkan kepada *showcase* SDSI di mana MNC dijemput bagi berkongsi pengalaman dengan PKS tentang program pembangunan PKS/vendor yang dilaksanakan dalam usaha pengantarabangsaan PKS.

MITI dengan kerjasama MATRADE juga telah melaksanakan *International Sourcing Programme (INSP)* pada *Showcase* SDSI Tahun 2016. Program ini telah memberi peluang kepada syarikat dan usahawan SDSI untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada syarikat daripada luar negara.

## LAPORAN INOVASI

- Tujuan Projek Inovasi

Pengantarabangsaan PKS melalui program *International Sourcing Programme (INSP)* yang dilaksanakan pada *showcase* SDSI 2016 adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada PKS tempatan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada syarikat daripada luar negara.

- Proses Pelaksanaan Inovasi

**Pengantarabangsaan PKS** merupakan sebahagian daripada program *Showcase* SDSI National Tahun 2016 dengan kerjasama **MATRADE** melalui program INSP.

- Proses sebelum dan selepas

Sebelum program dilaksanakan PKS tempatan hanya memasarkan produk di dalam negara sahaja kerana tiada pendedahan terhadap pasaran luar dan melalui program ini mereka didedahkan dengan kaedah dan peluang yang ada di pasaran antarabangsa.

- Impak Inovasi terhadap kumpulan sasaran/perkhidmatan/jabatan/agensi/Negara:

- Elemen Inovatif/Kreatif

Program ini membantu PKS tempatan untuk memasarkan produk ke pasaran antarabangsa.

- Elemen Keberkesanan

Membantu PKS tempatan dengan kaedah/cara menembusi pasaran luar disamping dapat meningkatkan pendapatan bagi usahawan.

- Elemen Signifikan

Berjaya membantu PKS tempatan untuk menjalinkan kerjasama dengan usahawan luar negara.

- Elemen Relevan

Hasil produk PKS tempatan dapat dipasarkan ke luar negara dan dapat meningkatkan ekonomi usahawan dan negara.

- Pencapaian

Melalui program ini, sebanyak 25 syarikat dari 9 buah negara telah mengambil bahagian di dalam *International Sourcing Programme (INSP)* pada Showcase SDSI Tahun 2016 dan berjaya menghasilkan jumlah jualan sebanyak RM7,351,657.60

## **PENUTUP**

*Showcase* SDSI 2016 telah ditambahbaik dengan penyertaan beberapa buah syarikat multinasional (MNC) iaitu Nestle Malaysia, Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., Coca-Cola Malaysia, Daikin Malaysia dan Honda Malaysia dalam membantu pembangunan PKS tempatan, seterusnya memperkasa usaha pengantarabangsaan PKS melalui MNC.

PKS tempatan beroleh manfaat dan mengambil peluang dari penyertaan syarikat-syarikat MNC semasa *showcase* SDSI untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman mengenai program pembangunan yang dilaksanakan, model program yang boleh dicontohi serta peluang-peluang perniagaan yang boleh mereka sertai.

**Disediakan oleh:**

**Nama Pegawai / Unit Terlibat : MOHD EZZUAN BIN MOHD EHLAS / BKB & PKS**

**Tel. : 03 – 6208 4768**

**Emel : ezzuan@miti.gov.my**